

Bisnes



Wan Zulkiflee (dua dari kiri) dan Bee Yin pada Sidang Meja Bulat Tenaga Malaysia bertajuk 'Membentuk Landskap Masa Depan Tenaga Malaysia' di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Salhani Ibrahim/BH)

PETRONAS tinjau pelaburan tenaga boleh diperbaharui

Syarikat pertimbang pembabitan dalam skala komersial

Oleh Mahanun Abdul Aziz dan Che Wan Badru Alias
bhbiz@nsp.com.my

PETRONAS sedang mempertimbangkan pelaburan berdaya maju dalam tenaga boleh diperbaharui seperti solar, angin dan biomas pada skala komersial, demikian kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin.

Beliau berkata, penerokaan dalam tenaga boleh diperbaharui itu adalah usaha syarikat untukkan dan gas nasional berkenaan dalam memenuhi per-

mintaan sumber tenaga mapan pada masa depan.

Katanya, penerokaan baharu itu juga akan menyokong inisiatif kerajaan untuk mengurangkan pelapanan karbon dan mencapai status ekonomi rendah karbon menjelang 2050.

"Bagi tempoh jangka masa pendek dan sederhana, kami bukannya terhadap minyak dan gas tetramurnya gas. Minyak dan gas akan terus kekal sebagai perniagaan teras kami sejak dengan dominasi berterusan minyak dan gas dalam campuran tenaga utama.

"PETRONAS juga mengambil langkah meneroka bidang pertumbuhan baharu yang melangkau minyak dan gas konvensional.

"Dengan permintaan terhadap lebih banyak sumber tenaga mapan, kami sedang mempertimbangkan pelaburan berdaya maju dalam tenaga boleh diperbaharui iaitu solar, angin dan biomass pada skala komersial," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sidang Meja Bulat Tenaga Malaysia bertajuk 'Membentuk Landskap Masa Depan Tenaga Malaysia' anjuran bersama World Economic Forum, di Kuala Lumpur, semalam.

Mengulas mengenai kadar pelaburan dalam segmen tenaga boleh diperbaharui itu, Wan Zulkiflee menjelaskan, PETRONAS akan menyesuaikan pelaburan dalam sumber tenaga alternatif itu mengikut keadaan bagi memastikan ia tidak jejaskan kedudukan pulangan kebangsaannya.

Beliau berkata, pelaburan dalam segmen tenaga boleh diperbaharui adalah untuk masa depan dan adalah penting untuk memulakan pembangunan kemampuan dan set kemahiran dalam segmen itu sekarang.

"Bagi PETRONAS, kami tidak mahu terkehadapan kerana jika terlalu terkehadapan, kami perlu melabur lebih banyak dalam tenaga boleh diperbaharui yang mana ia boleh menjelas-

kan pulangan kewangan.

"Apa yang penting adalah kami melabur mengikut kendaan pada kadar yang sesuai. Bagaimanapun, jika perangkaan menunjukkan sebaliknya untuk tempoh tiga hingga lima tahun akan datang, sudah pasti, kami akan mengubah dengan sewajarnya," katanya.

Sementara itu, Wan Zulkiflee berkata, dalam memenuhi peningkatan permintaan tenaga, PETRONAS melaksanakan banyak pelaburan tenaga dengan dipacu oleh strategi seranggang tiga mata bagi membangunkan campur tenaga yang seimbang secara berkesan terhadap keselamatan, kemampuan dan kemapanan bekalan tenaga.

Beliau berkata, syarikat minyak dan gas nasional itu sudah memperuntukkan RM30 bilion untuk aktiviti huluan tahun ini dengan separuh daripadanya adalah untuk pelaburan domestik bagi memastikan tidak ada gangguan terhadap bekalan tenaga.